

20/08/2003

Dr M beri tunjuk ajar cara bangunkan negara

Petikan dialog Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan Jemaah Menteri, Ahli Parlimen, cendekiawan dan kumpulan pemikir Syria di Perpustakaan Al-Assad, Damsyik, kelmarin.

SOALAN: Kita mesti berupaya menanamkan rasa takut di dalam hati musuh kita bagi mempertahankan diri kita. Kita mesti membina pesawat dan kereta kebal supaya tidak menjadi hamba Barat. Kita mesti mempunyai industri berat terutama industri senjata.

DR MAHATHIR: Adalah jelas kita mesti belajar untuk bebas, dan boleh melakukan sendiri semua perkara yang dilakukan negara maju. Dengan itu barulah kita boleh bersaing dengan mereka, tidak semestinya di medan perang tetapi dalam bidang pembangunan ekonomi dan pengetahuan.

Malaysia tidak percaya bahawa ia sudah cukup kuat untuk bersaing dengan negara maju, tetapi kami berasa bahawa dalam jangka panjang, kami boleh memperkuatkan diri kami, ekonomi kami, kemakmuran kami. Dengan itu, kami boleh buat sesuatu untuk diri kami.

Bukannya sukar untuk mengeluarkan kereta. Ia adalah perkara yang anda boleh pelajari dalam tempoh yang singkat, dan daripada kereta kepada kereta kebal bukanlah jauh, dan kemudian, anda boleh membina pesawat. Kami membina pesawat kecil, bukan kapal terbang perang. Kami membina pesawat latihan dan ia adalah proses pembelajaran. Dalam jangka panjang, kita boleh belajar sedikit demi sedikit dan kita boleh mengejar negara maju.

Sasaran kami untuk menjadi negara maju menjelang 2020. Kami sudah memiliki teknologi untuk membuat mesin, dan kami menjualnya di dalam negara ketika ini. Teknologi boleh dipelajari oleh semua orang jika anda berusaha. Tetapi sudah tentu, jika anda tidak mahu, anda sudah tentu tidak dapat menguasainya.

Jadi, hasrat kami ialah belajar semua perkara, mendapatkan semua kemahiran, semua teknologi, supaya kami boleh bebas. Sudah tentu, kami akan bekerjasama dengan negara Islam lain. Kita boleh mempunyai pembahagian kerja. Sebahagian perkara kami ada, sebahagian lagi orang lain ada. Dengan bekerjasama kita boleh menjadi sama kuat dengan mana-mana negara maju, bukan kerana kita hendak berperang dengan mereka, tetapi kita mahu memastikan mereka tidak mengancam kita hanya kerana mereka menyangka kita sangat lemah.

SOALAN: Adakah anda rasa Islam adalah budaya penting dalam kemajuan yang dicapai negara anda sejak 30 tahun lalu? Selepas 11 September, Islam dikaitkan dengan keganasan dan tindakan ganas. Saya ingin bertanya, apa pendapat anda untuk menangani cabaran ini, dan apakah cara untuk mengembalikan imej sebenar Islam?

DR MAHATHIR: Kita sangat marah dan kerana kita marah, kita buat sesuatu tanpa perancangan, tanpa strategi. Kita membelasah kerana mereka buat begitu kepada kita, dan kerana itu kita mesti membalas dendam. Tetapi perkara yang lebih baik untuk dilakukan ialah membina kekuatan kita, untuk membolehkan kita mencapai sasaran dan matlamat kita. Ketika ini, kita tidak mencapai apa-apa, tetapi sudah membunuh ramai orang. Mereka membunuh anda, dan anda bunuh mereka, dan mereka bunuh anda, dan anda bunuh mereka. Akhirnya, apa kita dapat? Apa kita dapat daripada begitu ramai orang kita yang berani? Tiada apa-apa. Jadi, kita mesti merancang dan kita mesti menerangkan apakah Islam sebenarnya. Di Malaysia, kami bertolak ansur kerana Islam mengajar kita bertolak ansur. Islam menyatakan bagi kamu agama kamu, bagi kami agama kami. Jadi, mengapa kita tidak tinggal bersama

dengan mereka dan mendapat sesuatu daripada mereka?

Tetapi jika kita terus bergaduh dan berlawan satu sama lain, terutama sesama Muslim, kita tidak mendapat apa-apa. Mungkin kita berpuas hati kerana ia mengurangkan kemarahan kita tetapi tidak lebih daripada itu.

SOALAN: Anda berjaya mengubah Malaysia daripada kongkongan imperialisme. Bagaimana anda boleh berbuat demikian?

DR MAHATHIR: Jika anda mahu mengubah rakyat, anda mesti membabitkan mereka, terangkan kepada mereka bahawa mereka perlu berubah. Kita tidak boleh cuba mengubah semua perkara sekelip mata. Jika anda mengubahnya serta-merta, anda akan menyebabkan banyak kekacauan. Tetapi jika anda berjumpa rakyat, terangkan kepada mereka: "Tengok, negara ini tidak boleh terus kekal sebagai negara pertanian, kita tidak mempunyai tanah yang cukup, kami tidak boleh berikan kamu pekerjaan. Kita mesti menjadi negara industri untuk menghasilkan lebih banyak pekerjaan. Jika anda bersedia untuk belajar dan menukar kemahiran anda, perkara yang anda tidak pernah lakukan sebelum ini, menjadi lebih berdisiplin, maka anda akan mendapat lebih banyak wang berbanding yang anda dapat jika anda terus kekal sebagai negara pertanian apabila tanah sudah tidak ada lagi."

Adalah sangat penting untuk sentiasa memenangi hati dan pemikiran rakyat. Rakyat mesti bersama anda sebelum anda boleh mengubah mereka. Jadi kita pergi kepada mereka dan beritahu mereka sebenarnya apa yang hendak kita lakukan, untuk kepentingan mereka, bukan kepentingan kita. Bukan kerana kita mahukan kuasa.

Anda perlukan kuasa hanya untuk memberikan rakyat apa yang diperlukan oleh mereka. Lebih daripada itu, kita tidak perlu kuasa. Saya tidak fikir kita patut bermegah dengan kuasa kita, dan itulah sebabnya, walaupun saya dituduh oleh media asing sebagai diktator, saya rasa saya adalah diktator pertama yang meletak jawatan. (Tepukan).

SOALAN: Kami ingin tahu bagaimana menggabungkan ekonomi terbuka dengan perlindungan pertumbuhan industri. Apakah nasihat anda?

DR MAHATHIR: Negara mempunyai peranan yang perlu dimainkan, untuk menunjukkan hala tuju. Tetapi sebelum anda menunjukkan arah, anda juga mesti berbincang dengan rakyat. Kami mengadakan dialog dengan rakyat sepanjang masa, pada peringkat kampung. Kami terangkan kepada mereka dan cuba dapatkan sokongan mereka. Jadi, itu peranan negara, sebelum anda berbuat sesuatu. Anda tidak boleh teruskan dan buat kerana anda fikir ia baik, kemudian anda dapati tidak diterima oleh orang lain. Proses berbincang mesti seiring dengan penggunaan kuasa negara untuk menunjukkan hala tuju.

Kami mesti melindungi rakyat kami. Kami mahu bersikap terbuka kepada dunia tetapi pada masa sama, kami tidak boleh membenarkan seluruh dunia datang ke negara kami dan bersaing dengan industri kecil kami yang sedang membangun. Kita belum benar-benar kuat untuk bersaing dengan mereka.

Kerana itu, kami mengikut dasar perlindungan terpilih. Kami hanya melindungi industri yang boleh menjadi industri besar, tetapi kami tidak melindungi semua. Kami berikan mereka masa yang cukup untuk mampu bersaing. Sebab itu saya beritahu cukai ke atas kenderaan bermotor boleh meningkat kepada 300 peratus. Kerajaan Malaysia membuat lebih banyak duit daripada Mercedes Benz berbanding Mercedes Benz sendiri. (Ketawa).

Kami mendapat 300 peratus melalui cukai tetapi dalam pada itu, untuk menarik pasaran mereka, mereka perlu memasang Mercedes Benz di Malaysia. Begitupun, ia masih mahal. Kami mula membuat kereta kami, sudah tentu kami tidak mengenakan cukai pada kereta kami kerana ia bukan datang dari luar.

Kami berikan beberapa sokongan kepada industri automotif kami. Dengan itu, jika kami boleh mengeluarkan kereta pada kos yang terendah, kami menjualnya di pasaran pada harga yang terendah. Tetapi kami mesti memastikan mutu kereta kami adalah mutu dunia. Amalan itu dibuat untuk

industri lain juga.

Sebab itu kami mampu membuat pertumbuhan seiring dengan industri asing. SOALAN: Anda mencapai kemajuan dalam tempoh yang sangat singkat. Ini memerlukan undang-undang baru. Mampukah anda membangunkan undang-undang ini di samping memantau dan mengawal perkembangan yang sangat cepat ini?

DR MAHATHIR: Kami sedia belajar daripada sesiapa saja. Kami mempunyai dasar yang dipanggil Dasar Pandang ke Timur kerana kami tahu Jepun, Taiwan dan Korea (Selatan) maju dengan cepat. Jadi, kami melihat kepada mereka, belajar mengenai mereka, malah menghantar orang untuk dilatih oleh mereka. Apabila kami memerlukan undang-undang baru, kami kaji kesannya, kami menggubalnya tetapi apabila ia memerlukan penyesuaian, kami kaji semula dan buat pindaan. Cara itu, undang-undang kami seiring dengan pembangunan.

Tetapi kami pantau kebanyakan perkara yang kami lakukan. Kami mempunyai banyak agensi kerajaan yang memantau perkembangan ekonomi; kami ada Unit Perancangan Ekonomi yang merancang rancangan lima tahun pembangunan. Kami juga ada Unit Penyelarasan Pelaksanaan, agensi ini memastikan semua pembangunan dilaksanakan. Melaporkan kepada kerajaan, biasanya kepada saya, siap dengan lukisan dan gambar mengenai apa yang berlaku di tapak. Kadang kala kami ada kontrak. Kami rasa ia akan dilaksanakan tetapi pada peringkat pegawai, mereka mungkin mempunyai beberapa masalah yang menghalang mereka melaksanakannya. Kami pantau setiap langkah dan minta mereka melaporkan balik kepada tempat pengumpul data berpusat yang kami panggil Bilik Gerakan, sama seperti Bilik Gerakan waktu perang.

Kami laksanakan pembangunan seolah-olah kami menghadapi peperangan. Kami tahu setiap perancangan, apa yang berlaku, siapa membelanjakan wang apa, sama ada mereka membelanjakan wang atau tidak, apa masalah mereka, dan kami cuba membetulkan mereka. Semua perancangan yang dibuat, dilaksanakan.

Sudah tentu ada yang gagal tetapi kebanyakan perancangan dijalankan sepenuhnya.

SOALAN: Mengapa keadaan anda lebih baik daripada keadaan kami? Anda membelanjakan lebih 20 peratus untuk pendidikan, sedangkan sesetengah negara membelanjakan lebih 20 peratus untuk ketenteraan.

DR MAHATHIR: Memang benar pendidikan sangat penting. Ya, membelanjakan wang untuk angkatan bersenjata apabila musuh berada di sebelah juga sangat penting. Kami perlu berbelanja untuk pertahanan, tetapi anda tidak boleh mengetepikan pendidikan.

Tanpa pendidikan, anda sebenarnya tidak boleh mempertahankan negara anda. Dalam jangka panjang, pertahanan adalah untuk hari ini, tetapi untuk masa depan, anda mesti mempunyai pendidikan yang diperlukan.

Saya suka menekankan bahawa pendidikan bermakna bukan saja belajar mengenai agama, tetapi juga mengenai sains, teknologi, perubatan, semua kemahiran dan pekerjaan lain yang boleh membantu menyumbang ke arah mempertahankan keupayaan anda.

Anda mesti mempunyai pengetahuan asas agama tetapi kita tidak boleh ada semua rakyat menjadi ulama. Mereka boleh jadi baik dari segi pengajaran agama tetapi tidak boleh membina kapal terbang atau kapal untuk mempertahankan ummah.

Mesti ada keseimbangan, kadang kala tidak ada keseimbangan yang betul. Sebab itulah kita menghadapi masalah.

SOALAN: Rasuah adalah antara cabaran utama banyak negara membangun. Bolehkah anda beritahu kami bagaimana cara anda menentang rasuah?

DR MAHATHIR: Saya tidak akan kata tidak ada rasuah di Malaysia. Kami ada tetapi kami kata ia pada peringkat permulaan. Kami bahagikan rasuah kepada dua peringkat: satu 'bawah meja' kerana anda malu. Tetapi di sesetengah negara, rasuah 'atas meja' yang bermakna anda secara terbuka memberi habuan kepada pegawai bagi perkhidmatan yang sepatutnya ia berikan, dan ia menerimanya secara terbuka.

Kami masih peringkat `bawah meja'. (Ketawa). Kerana itu, kami boleh kawal kerana rakyat takut mereka buat salah. Kami ada agensi yang boleh menyasat walaupun menteri jika ada tuduhan bahawa dia menerima rasuah. Pegawai Badan Pencegah Rasuah boleh berjumpa menteri untuk memintanya menjelaskan mengapa akaun banknya terlalu besar, mengapa rumah terlalu besar. Lebih penting, sudah tentu, kepemimpinan. Jika pemimpin rasuah, semua orang di bawah akan melakukan rasuah. Pemimpin mesti menunjukkan teladan. Jika tidak, mengapa mesti terima wang yang banyak? Berapa pinggan nasi anda boleh makan? Berapa banyak baju anda boleh pakai? Akhirnya, anda akan menuju alam lain, anda akan meninggalkan semua ini di belakang.

Jadi mengapa cuba mengambil habuan dengan cara salah? Kami sangat tegas mengenai menteri kami. Jika dalam mesyuarat Kabinet, apa saja yang (dibincangkan) ada kaitan dengan menteri dan keluarganya, orang berkenaan mesti keluar daripada (mesyuarat) Kabinet itu. (Tepukan).

SOALAN: Dalam tempoh dua bulan lagi, anda akan menjadi Pengerusi Pertubuhan Persidangan Islam. Bolehkah anda berkongsi dengan kami idea anda, apakah aspirasi anda untuk OIC, bagi nilai Asia dan dialog untuk peradaban?

DR MAHATHIR: Kerusi pengerusi OIC adalah untuk negara, bukan untuk individu. Jadi, selepas saya mengundur diri, pengganti saya mengambil alih daripada saya. Yang paling penting, sudah tentu, ialah memiliki perpaduan. Kita tidak membuat keputusan bersama, kita selalu bergaduh, ia tidak akan membantu kita.

Ada kekuatan dalam perpaduan. Jika kita bersatu, walaupun anda miskin dan lemah, akan menjadi sangat kuat. Lima puluh empat negara Islam bercakap dengan satu suara lebih berkesan daripada satu negara Islam yang kuat melalak di merata tempat. Jadi kita mesti bersatu. Jika kita tidak boleh bersama dalam semua isu, ambil sekurang-kurangnya satu isu yang kita boleh bersetuju. Saya rasa kita boleh bersetuju sekurang-kurangnya mengenai masalah Palestin.

Kita mesti beri sokongan penuh kepada perjuangan rakyat Palestin atau kita boleh mempunyai pandangan yang sama mengenai isu Iraq. Hanya satu isu, kita bukan bercakap mengenai jenis pentadbiran atau monarki. Yang ini republik, yang ini sosialis, yang ini kapitalis, itu semua isu yang cenderung untuk berbalah. Biar tumpu kepada perkara yang kita boleh bersetuju dan kita bertindak bersama-sama. Insya-Allah, kita boleh mencapai sesuatu.

SOALAN: Anda menggalakkan membeli barang tempatan, dan anda mula membuat kereta. Ini adalah permulaan untuk keluar daripada hegemoni negara perindustrian. Bolehkah anda tunjukkan peluang kepada negara Arab?

DR MAHATHIR: Saya rasa setiap orang boleh buat apa yang sudah kami lakukan dalam industri automotif sebagai contoh. Saya lihat banyak kenderaan bermotor di jalan raya di negara Islam. Mereka mesti membeli sekurang-kurangnya satu atau dua juta kereta setahun. Ini pasaran yang besar. Tetapi kita tidak bekerjasama. Jika kita bekerjasama, kita boleh mengeluarkan kereta kita secara bersama, bukan kereta kebangsaan dan saya tidak akan kata ia kereta Islam (ketawa) tetapi mari bekerjasama. Saya masih ingat satu ketika Mesir mahu membuat pesawat pejuang dan ada kerjasama antara dua atau tiga negara Arab. Tetapi separuh jalan, saya rasa ada beberapa perkara mereka tidak bersetuju, maka Mesir ditinggalkan sendirian untuk membina pesawat tanpa pasaran.

Jadi, ini yang mendukacitakan kami. Jika kita bekerjasama, dari segi teknologi, itu bukan masalah. Kita boleh dapat teknologi. Mereka akan jual kepada kita apa saja jika kita membayar mereka, kita ada wang untuk membayar. Kita boleh beli teknologi dan kemudian memajukannya.

Kami mula mengeluarkan kereta pada 1985. Hari ini kami boleh mereka bentuk, mengeluarkan prototaip, menguji, mereka bentuk kilang pengeluaran

dan bina sendiri semua kereta kami. Tetapi soalnya berapa banyak ... sama ada kami mempunyai jumlah yang cukup atau tidak. Semua ini boleh dipelajari, tidak ada silap mata dalam perkara ini.

Orang Eropah dan Amerika tidak mempunyai otak yang lebih baik daripada kita. Sebenarnya ramai orang kita sekarang bekerja dengan mereka kerana kita tidak memberikan mereka peluang. Mereka orang yang bijak, mereka pergi untuk mendapatkan peluang mereka, sudah tentu mereka mendapat bayaran yang tinggi. Tetapi kita boleh lakukan sendiri semua ini.

Kami, di Malaysia, mahu menguasai kemahiran. Petroleum, misalnya. Kami mengeluarkan hanya 650,000 tong sehari. Ada negara yang mengeluarkan jutaan tong sehari. Mereka gembira hanya dengan mendapat royalti dan tidak belajar cara berniaga.

Walaupun kami kecil, kami menekankan mengenai pemindahan teknologi, dengan itu hari ini, kami beroperasi di 32 negara di dunia. Kami mencari gali bagi banyak negara, kami menghasilkan minyak di banyak negara, kami membina salur paip di Argentina dan Australia. Kami di Asia Tengah. Ini syarikat petrol yang kecil tetapi kerana kami belajar berniaga, kami boleh melakukannya.

Saya percaya kita boleh lakukan apa yang kita mahu jika anda berfikir sedikit. Pentadbiran bukan masalah, kita boleh belajar daripada kesilapan orang lain. Seseorang bertanya saya, anda kata Pandang Ke Timur. Tengok Jepun sekarang, ia tidak berapa baik. Saya kata, saya masih memandang ke Timur. Saya lihat bagaimana Jepun buat salah dan saya tidak mahu buat kesalahan itu. (Ketawa). Jadi anda boleh belajar, anda boleh belajar daripada kesalahan orang lain, anda boleh belajar daripada apa yang orang lain buat dengan betul. Ia sama ada anda mahu belajar dan anda mahu bebas atau tidak. Jika anda mahu belajar dan menjadi bebas, anda boleh menguasai semua teknologi dalam pentadbiran, perbankan, dalam semua bidang. Kerana kurangnya keperluan kita bergantung kepada orang lain, tidak ada ada hegemoni, tiada siapa boleh menekan kita.

Jadi, walaupun Malaysia masih jauh perjalanannya, seperti anda tahu kami mengatakan banyak perkara tidak elok terhadap Barat, tetapi kami masih merdeka.

SOALAN: Apakah pengajaran yang boleh kita pelajari daripada 11 September?

DR MAHATHIR: Bagi saya, pengajaran utama ialah kita tidak merancang, kita tidak mempunyai strategi, kita tidak membuat perhitungan. Kita hanya berasa marah, dan kita pergi dan bunuh diri sendiri, langgar diri kita dengan bangunan, bangunan runtuh, dan apa terjadi kemudian?

Afghanistan diserang, Iraq diserang, seluruh dunia Islam sekarang hidup dalam ketakutan kerana pada bila-bila masa saja kita boleh ditahan dan dihumban ke dalam penjara. Jadi, apabila kita hendak melakukan sesuatu, kita mesti merancang. Kita mesti ada strategi, kita mesti menghitung hasilnya. Kita tidak boleh bergantung kepada kemarahan kita, perasaan kita, emosi kita, kita mesti sangat berdisiplin dalam pemikiran kita.

Orang seperti Machiavelli, misalnya, mereka faham apabila kita buat begini, ini hasilnya. Machiavelli pernah bercakap mengenai bahaya penggunaan tentera upahan. Jika anda menang sekalipun mereka (tentera upahan) akan menguasai anda atau anda akan kalah perang kerana mereka tidak berjuang. Ada banyak pengajaran boleh dipelajari daripada sejarah. Kita mempunyai sejarah yang panjang.

Kita mesti belajar daripada sejarah Islam mulai dari masa kita berkembang menjadi tamadun besar dan kemudian menurun. Mengapa ia berkembang? Jika anda mengkaji sejarah Islam, ia adalah zaman ketika orang Islam belajar semua pengetahuan dalam dunia.

Mereka adalah perintis. Mereka mencipta kimia, mereka menghasilkan ilmu kimia. Pada masa itulah tamadun Islam berkembang dan Islam tersebar dari Andalusia hingga ke China.

Tetapi apabila orang Islam mengatakan semua ilmu ini tidak berguna, kita tidak memerlukan ilmu ini, ini untuk dunia, ini sekular dan kita tidak mengkajinya dan sekarang kita tidak boleh membuat walaupun senapang patah kita sendiri.

Jadi, kita tidak boleh berjuang dan mempertahankan diri sendiri, sedangkan al-Quran menyatakan anda mesti mempersiapkan kuda perang untuk menanamkan rasa takut dalam hati musuh dan mempertahankan diri sendiri. Kuda perang pada masa Rasulullah. Hari ini anda tidak boleh gunakan kuda perang apabila berjuang menentang Amerika. Anda memerlukan kereta kebal, anda memerlukan roket, anda memerlukan kapal terbang. Jadi kita mesti belajar sains, kita mesti belajar matematik, kita mesti belajar semua teknologi yang membolehkan kita menanamkan rasa takut dalam hati musuh kita dan berupaya mempertahankan diri kita.

Itulah pada saya pengajaran yang kita pelajari daripada 11 September. Jangan buat sesuatu tanpa memikirkan kesannya.

SOALAN: Kebaikan dan keburukan meminjam daripada institusi antarabangsa?

DR MAHATHIR: Yang penting ialah jika anda meminjam wang, anda terikat untuk membayarnya dan menjadikan anda orang yang sangat miskin. Adalah lebih baik meminimumkan perbelanjaan, dengan itu anda boleh meminimumkan pinjaman anda. Kami meminjam tetapi setakat yang kami boleh bayar.

Pengurusan kewangan Malaysia sangat konservatif. Bank Pusat adalah mata kepala kami. Jika anda berhati-hati berbelanja, anda tahu anda tidak terikat dengan sesiapa. Tetapi Bank Dunia menasihatkan langkah untuk mempercepatkan pembangunan ialah meminjam wang mereka. Itu menyebabkan anda menyerah diri kepada mereka. Saya bercakap dengan Presiden Algeria, beliau memberi tahu saya jika anda meminjam \$10 daripada Bank Dunia, katanya, negaranya sudah membayar \$26 bagi \$10 yang dipinjamnya, tetapi masih ada baki \$9 (untuk dilangsaikan). Beliau dapat mengurangkan hutang hanya sebanyak 10 peratus. Mereka menguasai anda.

Korea, mereka meminjam, tetapi rakyatnya sangat produktif. Mereka membuat untung yang banyak.

SOALAN: Bagaimana anda memantau kemajuan?

DR MAHATHIR: Saya rasa sama ada wujud Perang Dingin atau tidak, strategi yang sama masih laku hari ini. Ia adalah strategi yang sangat kompleks, banyak perkara yang perlu dilakukan. Apabila kami berusaha pulih daripada krisis kewangan, kami menubuhkan Majlis Tindakan Ekonomi Negara yang dipengerusikan oleh saya. Ia bermesyuarat setiap pagi untuk mengkaji semua perangkaan.

Kami membuat perkiraan untuk membuat pembedaan. Misalnya, jualan runcit jatuh, dan kami mengesannya. Kami membuat promosi khas bagi jualan runcit. Kami dapati kami mempunyai banyak bangunan yang tidak terjual; kami mempunyai jualan khas di mana pemaaju, bank, kerajaan, peguam, semua orang bekerjasama, dan berupaya menjual berbilion ringgit hartanah.

Ia adalah penelitian rapi ke atas setiap aspek ekonomi yang membolehkan kami mengurangkan kesan kejatuhan. Kami melindungi ekonomi kami daripada terlalu dipengaruhi dari luar.

Sekalipun kami mempunyai masalah seperti 11 September, kami berupaya pulih agak cepat dengan memahami apakah kesannya. Kami berjaya melawannya. Kami adalah sebuah parti politik yang besar yang mempunyai majoriti yang sangat besar di Parlimen, dan kami mempunyai sokongan parti yang sangat kuat dan bercakap secara berterusan dengan ahli parti. Acap kali, kami berjumpa dengan rakyat dan kami mempunyai acara di mana pemimpin, Perdana Menteri berjumpa dengan rakyat.

Saya bercakap kepada ribuan rakyat untuk menerangkan apa yang berlaku untuk mendapatkan sokongan mereka dan biasanya, mereka faham. Kami juga berjumpa dengan kesatuan sekerja. Kesatuan sekerja lain berpendapat cara terbaik untuk menaikkan gaji mereka ialah dengan mengadakan mogok dan

menuntut lebih. Sebenarnya lebih baik berunding. Melancarkan mogok menghalang orang lain datang untuk melabur.

Kami bercakap dengan sebanyak mungkin kumpulan, walaupun orang berlainan agama. Saya berjumpa dengan biskop dan menerangkan kepada mereka kenapa kami tidak boleh berikan benda tertentu kepada mereka.